

Politeisme Menurut Deskripsi Al-Quran: Suatu Pembicaraan Historikal Polytheism According to Quranic Description: A Historical Discussion

KHAIRULNAZRIN NASIR

ABSTRAK

Lapangan bidang antropologi telah memperkenalkan istilah politeisme yang merujuk kepada kepercayaan dan penyembahan lebih daripada satu tuhan. Manusia sejak awal kewujudannya telah berinteraksi dengan alam, berasa kagum dengan beberapa jenis makhluk yang dianggap istimewa dan memiliki kuasa luar biasa. Keadaan ini mendorong segelintir manusia mempercayai politeisme, iaitu menyembah pelbagai tuhan di samping Allah SWT. Catatan sejarah menunjukkan bahawa politeisme telah lama wujud sebelum Nabi Muhammad SAW dibangkitkan. Persoalannya, bagaimanakah deskripsi al-Quran terhadap perkara tersebut? Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk membahaskan tentang deskripsi al-Quran terhadap politeisme, khususnya tentang sejarah, bentuk, faktor dan jenis-jenis politeisme. Jenis penelitian ini adalah berteraskan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan metode analisis kandungan terhadap teks ayat-ayat al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa al-Quran mengandungi data sosio-historis tentang politeisme dalam umat-umat terdahulu, di samping kritikan terhadap segala bentuk penyembahan selain Allah SWT. Kesimpulannya, pembicaraan al-Quran bukan hanya tentang isu syariat, bahkan meliputi bidang antropologi dan sosiobudaya manusia sejagat.

Kata kunci: al-Quran; politeisme; antropologi; sejarah; sosiobudaya

ABSTRACT

The field of anthropology has introduced the term polytheism which refers to belief and worship of more than one god or deity. Man from the beginning of his existence has interacted with nature, admiring some beings they considered special and possessing extraordinary powers. This situation encourages some people to believe in polytheism, which is to worship various gods or deities in addition to Allah SWT. Historical records show that polytheism existed long before the time of Prophet Muhammad (pbuh). The question is, how does the Quran describe polytheism? Therefore, this paper aims to discuss the description of polytheism in the Quran, especially about the history, form, factors and types of polytheism. This is a qualitative research applying the method of content analysis to the text of Quranic verses. The results of the study show that the Quran contains socio-historical data on polytheism of past generations, in addition to criticism and prohibition of any form of worshipping gods and deities other than Allah SWT. In conclusion, the Quran discusses not only Shariah, but also covers the field of anthropology and socio-cultural universals.

Keywords: Quran; polytheism; anthropology; history; socio-cultural

PENDAHULUAN

Antropologi merupakan salah satu bidang dalam ilmu sosiologi, mengandungi kajian saintifik yang membincangkan tentang manusia, terutama yang berkaitan dengan asal usul manusia, sama ada daripada aspek perkembangan, adat resam, kebudayaan dan kepercayaan (Kamus Dewan 2004 dan Purcell 1998: 258). Antara perbincangan paling utama dalam antropologi ialah asal pembentukan agama dan kerangka kepercayaan serta ajarannya (Bowie, 2006, 31). Kini, meskipun manusia zaman moden kebanyakan menjauhkan diri daripada agama tradisional, namun masyarakat pasca-sekular

(Barat) masih lagi peduli dengan aspek kerohanian, kebenaran, iktikad dan ketuhanan. Isu-su tersebut bersifat relatif. Alasan bersama ini mendedahkannya kepada kepelbagaian interpretasi dalam ajaran-ajaran agama (Cabrerro 2018: 57). Justeru, dalam kepelbagaian itu, terdapat sejumlah agama-agama dunia yang dikategorikan sebagai agama politeisme atau *polytheistic* (Smith 1998: 269).

Politeisme didefinisikan sebagai suatu bentuk kepercayaan bahawa adanya lebih daripada satu Tuhan (Kamus Dewan, 2004). Dalam erti kata lain, politeisme merujuk kepada pemujaan banyak tuhan seperti dewa-dewi, roh, atau arca yang dipuja di tempat-tempat ibadat, disertai dengan ritual dan


upacara, serta mitologi tertentu (Kohara 2006: 1). Secara etimologi, istilah politeisme berasal daripada bahasa Yunani iaitu *poly* dan *theoi*. Gabungan ini membawa maksud “banyak tuhan”. Dalam kebanyakan agama yang menerima politeisme, tuhan-tuhan daripada kalangan dewa-dewi yang berbeza dianggap sebagai perwakilan kuasa-kuasa alam. Demikian dapat dilihat sama ada secara berautonomi muncul di mata kasar atau pancaran (Ulrich 2007: 42).

Beberapa orang sarjana membahagikan politeisme kepada dua aliran. Pembahagian utama dalam politeisme ialah antara politeisme lembut dan politeisme yang keras. “Politeisme keras” bermaksud kepercayaan bahawa tuhan-tuhan merupakan makhluk-makhluk yang tersendiri, entitinya berbeza, terpisah, nyata, dan mempunyai sifat dan nilai ketuhanan tersendiri. Manakala “politeisme lembut” merujuk kepada kepercayaan bahawa tuhan itu berentiti tunggal, namun diinterpretasikan dari sudut yang berlainan (Kraemer 2012).

Sementara itu, penganut politeisme tidak semestinya mengagungkan banyak tuhan dalam

suatu masa. Justifikasinya, terdapat juga manusia yang hanya menyembah tuhan yang tunggal. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama mereka tidak menafikan kewujudan atau kemungkinan kewujudan dewa-dewa lain. Maka, kepercayaan ini diistilahkan sebagai *henoteism* (Charles 2012: 78-79). Malah, terdapat manusia yang menyembah dewa yang berbeza dalam masa dan situasi yang berlainan. Kefahaman ini disebut sebagai *kathenotheism* (Papathomas 2010: 198).

Istilah antonim bagi kepercayaan ini adalah monoteisme atau tauhid. Istilah ini merujuk kepada kepercayaan yang hanya mengakui ketuhanan yang satu (Kohara 2006: 1). Takrif yang lebih sempit tentang monoteisme ialah kepercayaan kepada kewujudan hanya satu tuhan yang menciptakan dunia, yang berkuasa dan menguruskan dunia (Cross 1974 dan Abd al-Qadir 2002: 58). Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa agama manusia secara umumnya boleh disifatkan sama ada berasaskan politeisme atau monoteisme, seperti dalam rajah berikut:



RAJAH 1. Jenis kepercayaan agama

Daripada perbincangan terdahulu, politeisme merupakan suatu isu teologi yang telah lama wujud dalam sejarah peradaban manusia, seiring dengan kemunculan kepelbagaian agama. Persoalannya, jika krisis akidah ini berlaku sebelum zaman Nabi Muhammad SAW, bagaimanakah al-Quran menjelaskan sejarah berkenaan? Maka, makalah ini bertujuan untuk membincangkan deskripsi dan interpretasi al-Quran terhadap politeisme yang wujud dalam umat-umat terdahulu. Fokus analisis makalah ini adalah menyasarkan kajian historikal, iaitu ayat-ayat al-Quran tentang sejarah dan bentuk politeisme yang dihadapi oleh para nabi dan rasul.

METODOLOGI KAJIAN

Secara amnya, makalah ini adalah berorientasikan kajian asas atau *pure research* yang bertujuan untuk memahami subjek yang dikaji. Data kajian pula adalah berbentuk kualitatif. Data-data diperoleh daripada analisis kandungan teks-teks al-Quran yang membahaskan tentang agama dan kepercayaan yang


berunsurkan politeisme. Kitab-kitab dan penulisan ilmiah, khususnya dalam bidang tafsir merupakan sumber utama dalam interpretasi teks-teks al-Quran, di samping rujukan-rujukan dalam bidang lain. Analisis amat memberi tumpuan terhadap pandangan dan interpretasi ulama tafsir, sama ada ulama silam atau kontemporari kerana autoriti mereka dalam bidang penafsiran al-Quran. Namun, kajian turut memanfaatkan pandangan sarjana Barat khususnya yang berhubung dengan sejarah.

Kajian ini berusaha untuk megemukakan keseluruhan bentuk politeisme yang dinyatakan dalam al-Quran. Jika terdapat banyak teks al-Quran yang menjelaskan jenis-jenis tertentu, maka kajian ini hanya mendatangkan satu teks al-Quran sahaja sahaja. Hasil daripada analisis kandungan secara induktif terhadap teks-teks al-Quran disusun mengikut jenis-jenis politeisme. Makalah tidak bermaksud untuk membincangkan secara terperinci tentang hukum politeisme, perkahwinan antara Muslim dengan penganut agama politeisme, akibat di akhirat dan seumpama dengannya.

DAPATAN KAJIAN

Rajah di bawah menunjukkan dapatan utama bagi kajian ini. Rajah mengandungi aspek perbincangan al-Quran terhadap sejarah kepercayaan politeisme yang terdapat dalam kaum nabi dan rasul sebelum

kedatangan Nabi Muhammad SAW. Struktur kepercayaan politeisme dalam kalangan mereka adalah berbeza-beza, sama ada penyembahan manusia, makhluk *supernatural*, objek angkasa lepas, alam sekitar dan binatang.



RAJAH 2. Jenis kepercayaan politeisme

PERBINCANGAN

Aspek perbincangan boleh dibahagikan kepada dua bahagian; [pertama] tinjauan pengaruh politeisme dalam agama-agama dunia; dan [kedua] diskusi al-Quran tentang sejarah dan bentuk-bentuk politeisme yang wujud dalam agama selain Islam.

POLITEISME DALAM AGAMA-AGAMA DUNIA

Politeisme telah wujud dalam sejarah agama atau kepercayaan masa lampau sejak sebelum tahun 6 SM. Kepercayaan ini hampir menyamai konsep agama yang berasaskan *paganism*. Terdapat banyak agama utama dunia, sama ada agama kuno atau baru dipengaruhi kepercayaan berasaskan politeisme seperti Hindu, Buddha, Shinto, Yunani Purba, agama tradisi orang Cina, kepercayaan neo-pagan (Issitt & Main 2014).

Dalam kebanyakan agama kuno, politeisme sangat ketara dalam sistem kompleks kepercayaan tamadun Mesir Kuno (Allen 2000: 24). Ajarannya berpusat pada interaksi orang-orang Mesir dengan banyak dewa yang dipercayai berada

dalam kehidupan dan mengawal dunia. Misalnya, penyembahan tuhan matahari dalam kalangan masyarakat Mesir kuno seperti Ra dan Anum (Assmann 1995). Dalam pada itu, terdapat ritual seperti doa dan persembahan diberikan kepada tuhan-tuhan untuk mendapatkan nikmat daripada mereka. Amalan agama rasmi yang berpusat pada para firaun, para pemimpin Mesir, dipercayai memiliki kuasa Tuhan berdasarkan kedudukan mereka. Mereka bertindak sebagai perantara antara orang-orang dan tuhan-tuhan mereka. Justeru, diwajibkan untuk mempertahankan tuhan-tuhan melalui ritual dan persembahan supaya mereka dapat mengekalkan kestabilan perjalanan alam (Frankfort 2012).

Dalam pada itu, agama Yunani Kuno juga banyak dipengaruhi oleh politeisme. Demikian merangkumi koleksi kepercayaan, ritual dan mitologi yang berasal daripada Yunani purba (Burkert 1985). Kebanyakan orang Yunani mempercayai kewujudan 12 tuhan dan dewa Olimpia, iaitu Zeus, Hera, Poseidon, Demeter, Athena, Ares, Aphrodite, Apollo, Artemis, Hephaestus, Hermes, Hestia atau Dionysus (Seltman 2017). Dalam pada itu, Plato iaitu seorang

ahli falsafah dan kesusasteraan terkenal Yunani turut memperkatakan tentang politeisme dalam kalangan orang Yunani. Plato mengambil sikap kritikal dan berpandangan sinis terhadap kepercayaan dan amalan penyembahan 12 Tuhan Olimpian tersebut (Roskam 2019: 169).

Selain itu, masyarakat dalam tamadun Rom silam juga menganut kepercayaan politeisme melalui penyembahan dewa-dewi (Scheid 1987: 303). Sistem kompleks penyembahan dan kepercayaan kepada dewa dan dewi ini dikenali sebagai teisme (Kraay 2010: 355). Orang Rom khususnya para pemerintah amat menitikberatkan dan menjaga hubungan baik dengan para dewa agar ketuanan dan kekuasaan mereka terus kekal (Horsley 1997).

Di benua Asia pula, penganut Hindu amat menghormati dewa-dewa dalam bentuk *murti* atau *idola*. Sementara itu *Puja* (ibadah) dari *murti* ialah suatu cara untuk berkomunikasi dengan entiti ketuhanan iaitu Brahman yang dianggap sebagai sang pencipta dan tuhan yang menguruskan alam (Flood, 1996). Dalam kalangan penganut Hindu, ada yang menyembah sejumlah dewa-dewa yang berbeza-beza. Depercai dewa-dewa itu berasal daripada Brahman. Segelintir penganut Hindu yang lain mengamalkan politeisme dan *henotheism* yang lebih tradisional dengan memfokuskan ibadat mereka kepada satu dewa (Wani 2013).

Pengaruh politeisme juga sangat ketara dalam agama Shinto di Jepun. Penganutnya menyembah dewa-dewa yang dipanggil *kami*. Konsep *kami* ditakrifkan sebagai tuhan, roh, semangat, penunggu, atau inti pati rohani". Semua istilah tersebut merujuk kepada suatu maksud iaitu "tenaga yang menghasilkan sesuatu." Batu, pokok, sungai, haiwan, objek, tempat dan orang boleh dikatakan memiliki sifat *kami* (Richard, & Robert 1985: 18-19). Sementara penganut Buddha di Jepun pula, meskipun pada asal ajaran agamanya tidak menyembah sebarang tuhan, mereka turut mengamalkan politeisme kerana dipengaruhi ajaran Shinto (Teeuwen & Scheid 2002: 195).

Dalam konteks Timur Tengah pula, masyarakat di semenanjung Arab sebelum kedatangan Islam hidup dalam kejahilan. Konseptualisasi kepercayaan didominasi oleh sistem politeisme berbentuk penyembahan berhala-berhala, batu, pokok-pokok dan sebagainya (Mohammed 2019: 76). Hal ini tidak bermakna mereka tidak mengenali Allah SWT sebagai tuhan tertinggi. Justifikasinya, mereka menggunakan istilah *leksem* sebagai terjemahan daripada kalimah *Rabb* dan merujuk kepada Tuhan

Yang Esa, sejak 500 tahun sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW (Yahya 2018).

Sebaliknya, agama-agama *samawi* seperti Yahudi (Judaisme) dan Kristian secara umumnya berorientasikan kepercayaan penyembahan satu Tuhan atau monoteisme. Meskipun demikian, terdapat aliran dan kefahaman yang diresapi oleh politeisme. Misalnya, tersurat beberapa kenyataan dalam kitab utama kaum Yahudi iaitu Taurat yang menyatakan bahawa tuhan itu banyak di samping Allah SWT. Oleh itu, segelintir ahli teologi membuat rumusan bahawa golongan tersebut telah melalui suatu evolusi dalam konseptualisasi kepercayaan, bermula dengan monoteisme menuju politeisme (Heiser 2008: 1).

Menurut perspektif beberapa orang ahli teologi, unsur politeisme sangat ketara dalam ajaran Trinititi dalam agama Kristian. Istilah ini merujuk kepada kepercayaan tentang Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruh al-Qudus (Wierenga 2004 dan Kaufmann 1951: 179). Dalam menjustifikasikan konsep Trinititi, segelintir ahli teologi Kristian menafikan bahawa Kristian merupakan agama yang berasaskan politeisme seperti Amun-Ra dalam kepercayaan Mesir kuno. Sebaliknya menurut mereka, Trinititi ialah suatu konsep politeisme yang ada dalam monoteisme (Rea 2006: 133). Implikasi daripada kesukaran memahami konsep ini telah mendorong segelintir penganut Kristian mempersoalkan dan menolak ajaran tersebut (Owen & Dunne 2019: 33).

Dalam perbincangan ini, dirumuskan bahawa kepercayaan dan penyembahan banyak tuhan atau dewa telah wujud dalam kebanyakan agama utama dunia. Sorotan sejarah kemunculan agama-agama tersebut menunjukkan ia telah wujud sebelum zaman kebangkitan Nabi Muhammad SAW. Justeru itu, persoalan signifikan ialah bagaimanakah deskripsi al-Quran dalam menggambarkan dan menilai kepercayaan politeisme dalam umat-umat terdahulu?

DESKRIPSI AL-QURAN TERHADAP HISTORIKAL KEPERCAYAAN POLITEISME

Al-Quran merupakan kitab suci yang membicarakan tentang pelbagai aspek kehidupan insani. Jurusan terpenting adalah berkaitan tentang teologi atau akidah Islam. Justifikasinya, al-Quran menghuraikan tentang ketuhanan dan perkara ghaib, sama ada tentang makhluk ghaib atau *supernatural* seperti malaikat jin dan roh, atau dimensi ghaib, iaitu dimensi masa hadapan, iaitu alam Barzakh dan alam Akhirat. Dalam pada itu, sejarah dan kisah umat-

umat terdahulu juga adalah suatu yang ghaib, bagi umat manusia semasa penurunan al-Quran.

Sejarah umat terdahulu merujuk kepada kisah perjuangan para utusan tuhan daripada kalangan nabi dan rasul, menghadapi manusia bersifat antagonis dan ingkar. Perjuangan menyebarkan kepercayaan monoteisme atau tauhid senantiasa menghadapi tentangan daripada kaum yang menerima politeisme atau mensyirikkan Allah SWT. Penelitian dan analisis terhadap jenis kepercayaan politeisme yang terdapat dalam umat-umat terdahulu adalah berbeza-beza. Kenyataan ini dijelaskan seperti berikut:

Penyembahan Manusia

Al-Quran menceritakan tentang perihal keadaan agama politeisme dalam bentuk penyembahan manusia yang terdiri daripada orang soleh lelaki atau wanita, para raja dan pemerintah, ulama, serta nabi dan rasul. Perbincangan lanjut dijelaskan seperti berikut:

1. Orang Soleh

Kesolehan seseorang menjadikannya dihormati oleh anggota masyarakat. Namun, perasaan hormat yang melampau batas telah mendorong manusia memohon doa dan syafaat daripada orang soleh yang telah mati (Al-Khamis, 1993, 44). Dalam al-Quran, sejarah penyembahan orang soleh terdapat dalam kalangan kaum Nabi Nuh AS dan penganut agama Nasrani. Kaum Nabi Nuh AS menyembah tokoh-tokoh agama, golongan ningrat dan orang soleh seperti Wadd, Suwā ‘, Yaghūth, Ya‘ūq dan Nasr. Nama-nama tersebut adalah orang-orang soleh sebelum zaman Nabi Nūḥ AS (Al-Baghawī 1997 8: 233; al-Khāzin 1994, 4: 346; dan Jeffery 1925: 280). Firman Allah SWT [Nūḥ 71: 23]:

Terjemahan: Dan (ketua-ketua) mereka (menghasut dengan) berkata: “Janganlah kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu, terutama (penyembahan) Wadd, Suwā‘, Yaghūth, dan Ya‘ūq, serta Nasr.”

Menurut al-Ṭabarī (2000. 23: 639), pada asalnya arca tokoh-tokoh itu dibina bagi memperingati kesolehan dan memberi ransangan kepada orang hidup. Namun, lama-kelamaan, mereka disembah selain daripada Allah SWT. Al-Qurṭubī (1964) memetik riwayat daripada al-Wāqidī yang menjelaskan bahawa arca Wadd dibina dalam rupa seorang lelaki, Suwā‘ dalam rupa seorang perempuan dan Yaghūth dibentuk sebagai seekor singa. Manakala Ya‘ūq dibentuk sebagai seekor kuda dan

Nasr berupa seekor burung hering. Kesannya, syirik ini adalah tunas dan induk kepada syirik-syirik yang muncul sejarah umat manusia di muka bumi ini. Misalnya, berhala Wadd telah disembah oleh suku-suku Arab di Dawmat al-Jandal (Ibn ‘Ashūr 1984, 29: 208; Muḥammad 1990, 12: 203 dan Lecker 2007: 131).

Penyembahan orang soleh daripada kalangan wanita turut dilakukan oleh pengikut agama Nasrani. Selain Nabi Isa AS, mereka turut menyembah Maryam AS, ibunda Nabi Isa (Al-Qāsimī 1997, 3: 154; al-Shawkānī 1993, 2: 108; dan Ṭanṭāwī 1998, 4: 94). Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT [al-Maidah 5: 116]:

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman: “Wahai Isa ibni Maryam! Engkaukah yang berkata kepada manusia: “Jadikanlah daku dan ibuku dua tuhan selain dari Allah?” Nabi Isa AS menjawab: “Maha Suci Engkau (wahai Tuhan)! Tidaklah layak bagiku mengatakan sesuatu yang aku tidak berhak (mengatakannya).”

2. Raja dan pemerintah

Al-Quran mencatatkan kisah dua orang raja yang mendakwa dirinya sebagai tuhan. Penyembahan manusia daripada kalangan raja dan pemerintah pada awalnya terdapat dalam kalangan kaum Nabi Ibrāhīm AS. Mereka menyembah raja Namrūd bin Kūsh, pemerintah Babylon, Iraq selama 400 tahun. Rakyatnya percaya bahawa raja mereka mempunyai sifat-sifat ketuhanan seperti berkuasa menghidupkan dan mematikan manusia (Al-Zuhaylī, 2001, 150; al-Jazāirī, 2003, 1: 248; dan Lowin, S. L. 2012, 261). Allah SWT merakamkan perdebatannya bersama Nabi Ibrāhīm AS dalam firman-Nya [Al-Baqarah 2: 258]:

Terjemahan: Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: “Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan”. Ia menjawab: “Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan”.

Sementara itu, Firaun pada zaman Nabi Musā AS juga telah mendakwa dirinya sebagai tuhan. Menurut al-Alūsi (1994), pada peringkat awal Firaun mendakwa dirinya sebagai *ilāh* (suatu yang disembah). 40 tahun kemudian, Firaun mengumpulkan rakyatnya dan mengisytiharkan diri sebagai *rabb* (tuhan pencipta dan pentadbir). Ucapan tersebut dirakamkan dalam firman Allah SWT [Al-Nāzi‘āt 79: 23-24] :

Terjemahan: Lalu ia menghimpunkan orang-orangnya dan menyeru, dengan berkata: “Akulah tuhan kamu, yang tertinggi”.

Menurut Ibn al-Jawzī (2001, 4: 396), Firaun mendakwa tiada tuhan yang lebih tinggi daripadanya, atau mendakwa dirinya sebagai ketua kepada berhala-berhala yang disembah oleh rakyatnya. Dakwaan Firaun bahawa dirinya adalah tuhan perlu disembah disambut baik oleh rakyatnya (al-Bawḍāwū, 1997, 5: 93). Justeru, perjuangan Nabi Musa AS merupakan penyebaran tauhid atau monoteisme yang mengesakan Allah SWT (Ibn ‘Aṭīyah, 2001, 4: 229; Sayid Qutb, 1991, 3: 1367; Freud, S. 2016).

3. Ulama dan agamawan

Sifat kelaiman dan ketinggian ilmu agama turut mendorong manusia bersikap melampau terhadap golongan ulama. Orang Yahudi dan Nasrani menjadikan golongan *al-aḥbār* (pendeta dan ulama) dan *al-ruḥbān* (ahli ibadar) sebagai sembah selain Allah SWT. Penyembahan tersebut berlaku dalam konteks mematuhi segala peraturan yang ditetapkan, kendatipun dalam kemaksiatan. Firman Allah SWT [Al-Tawbah 9: 31]:

Terjemahan: Mereka menjadikan para pendeta mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka memertuhankan) Al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.

Menurut Ṣāliḥ al-‘Uthaymīn (2003) orang Yahudi menganggap golongan *al-ruḥbān* iaitu ahli ibadat sebagai wali-wali dan menyembah mereka selain Allah. Orang Nasrani khususnya memberikan hak membuat syariat kepada rahib, paderi atau pastor dan menggubal ajaran agama mengikut kehendak mereka. Ajaran rekaan diserapkan dalam kitab suci mereka atau melalui keputusan persidangan tokoh-tokoh agama Nasrani (al-Qāsimī 1997, 1: 229).

4. Nabi

Penyembahan para nabi berlaku dalam kalangan penganut agama Yahudi yang mendakwa ‘Uzayr AS, sementara penganut agama Nasrani mendakwa Isa AS, kedua-duanya adalah anak lelaki Allah SWT [Al-Tawbah 9: 30]:

Terjemahan: Dan orang-orang Yahudi berkata, “Uzayr ialah anak Allah” dan orang-orang Nasrani berkata, “Al-Masih ialah anak Allah.”

Menurut Ibn al-Jawzī (1984) yang memetik pendapat Ibn ‘Abbās, punca sikap ekstrem dalam kalangan orang Yahudi terhadap ‘Uzayr adalah kerana mereka melihat keajaiban dan mukjizat yang terjadi terhadapnya seperti penulisan semula kitab Tawrāt berdasarkan hafalannya setelah Tawrāt dihilangkan daripada dada-dada orang Yahudi. Demikian juga kerana peristiwa ‘Uzayr dihidupkan kembali setelah wafat 100 tahun (Al-Tha’labī, 2002, 2: 250; al-Baghawī, 1997, 1: 356; dan Dragon, 2015).

Dalam pada itu, penganut Nasrani pula beriktikad bahawa Nabi Isa AS merupakan tuhan (al-Māidah 5: 17 & 72), anak tuhan (al-Tawbah 9: 30) atau salah satu daripada tiga unsur tuhan (al-Māidah 5: 73). Bagi membatalkan dakwaan tersebut, Allah SWT menegaskan bahawa Nabi Isa AS ialah utusan Allah SWT, roh-Nya serta kalimah-Nya yang dicampak ke rahim Maryam AS (Al-Baghawī, 1997, 2: 314; al-Qurṭubī, 1964, 18: 204; dan Parrinder, 2013)

Penyembahan Makhluk Supernatural

Supernatural merujuk kepada makhluk yang kuat dan ghaib seperti malaikat, jin atau hantu. Manusia menyembahnya dengan tujuan memohon pertolongan atau untuk mengelakkan gangguan yang dicituskan oleh mereka (Spiro & d’Andrade, 1958, 456 dan Khairulnazrin Nasir & Ishak Suliaman, 2019). Al-Quran merakamkan contoh-contoh penyembahan makhluk *supernatural* seperti berikut:

1. Malaikat

Politeisme juga berlaku dalam kepercayaan dan penyembahan malaikat (Al-Rāzī, 1999, 20: 357; Ibn ‘Ashūr, 1984, 15: 107; dan Yates, 1985). Berhubung hal ini, al-Quran mencatatkan bahawa segelintir manusia mendakwa mereka menyembah malaikat. Firman Allah SWT [Saba’ 34: 41-42]:

Terjemahan: Dan (ingatkanlah) masa Allah menghimpunkan mereka (pada hari kiamat), kemudian Dia bertanya kepada malaikat: Adakah orang-orang ini, (kamu setuju) menyembah kamu dahulu? 41. Malaikat menjawab: Maha Suci Engkau (dari adanya sebarang sekutu dengan-Mu). Engkaulah (yang kami hubungi sebagai Pemimpin dan) Pelindung kami bukan mereka. (Tidak ada hubungan dari pihak kami dengan mereka mengenai penyembahan mereka kepada kami), bahkan mereka adalah menyembah Jin Syaitan; kebanyakan mereka pula percaya kepada Jin Syaitan itu (sebagai sekutu Tuhan yang dipuja dan dipatuhi).

Al-Baghawī (1997, 6: 404) menjelaskan bahawa orang kafir menyangka bahawa mereka telah menyembah malaikat. Namun, pada hari Akhirat para malaikat menafikan penyembahan itu, dan menyandarkan perbuatan mereka kepada penyembahan syaitan jin. Perbuatan mentaati jin dalam mensyirikkan Allah SWT ialah suatu bentuk penyembahan terhadap mereka.

2. Jin dan Syaitan

Kekuatan luar biasa pada jin dan syaitan mendorong manusia mengagumi dan menyembah makhluk *supernatural* sedemikian. Terdapat sebilangan suku Arab jahiliah yang menyembah jin. Hishām bin Muḥammad al-Kalbī (2000) menyatakan bahawa Bani Mulaḥ daripada kabilah Khuzā'ah menyembah golongan jin. Ada juga manusia yang memohon perlindungan (*al-isti'ādhāh*) daripada mereka supaya tidak diganggu. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT [Al-Jin 72: 6] :

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang daripada manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.

Menurut al-Ṭabarī (2000), perasaan takut menyebabkan manusia memohon perlindungan daripada jin. Misalnya, apabila seseorang berjalan pada waktu petang melalui lembah, dia mengucapkan, "Aku berlindung dengan tuan lembah ini daripada kejahatan dan pidana mereka yang bodoh daripada kaumnya." Selain itu, diriwayatkan oleh Ibn Abbās RA dan al-Kalbi bahawa penyembahan jin dilakukan oleh orang Majusi yang mempercayai bahawa ala ini diperintah oleh dua dewa; dewa kebaikan bernama Yazdan, manakala dewa kejahatan digelar Ahrman (Abū Zahrah, t.th. 5: 2610)

Penyembahan Objek Angkasa Lepas

Angkasa lepas mengandungi jisim-jisim besar dan indah seperti matahari, bulan, bintang, planet dan sebagainya. Ciri-ciri tersebut mendorong manusia menganggapnya memiliki kuasa, perantara antara manusia dan tuhan, dan mempengaruhi kehidupan manusia di bumi (Al-Rāzī, 1997, 1: 210). Dalam al-Quran, tercatat kisah Nabi Ibrahim AS yang menghadapi kaum yang menyembah berhala dan objek angkasa lepas, seperti matahari, planet dan bulan (Sayyid Quṭb, 1991, 2: 1140; al-Zuhaylī,

2001, 1: 572; Sumanto, 2018; dan Crosby, 2018, 39). Misalnya, kisah perdebatan Nabi Ibrahim AS dengan penyembah objek angkasa lepas. (al-An'ām, 6, 75-81). Penjelasannya seperti berikut:

3. Matahari

Selain kisah kaum Nabi Ibrahim AS yang mendiami kota Babylon, al-Quran turut merakamkan kisah rakyat Saba' yang menyembah matahari bersama raja mereka. Jenis politeisme ini dinyatakan dengan jelas dalam firman Allah SWT [al-Naml 27: 24]:

Terjemahan: Aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya sujud kepada matahari dengan meninggalkan ibadat menyembah Allah.

Penduduk Sana' dipimpin oleh seorang maharani yang dikenali sebagai Balqis. Seluruh rakyat negeri Saba' merupakan penyembah matahari dan mereka bersujud kepadanya (Al-Qurṭubī, 1964, 13: 190; Ibn 'Aṭīyyah, 2001, 4: 256; dan Green, 2001, 151). Menurut Ibn Munabbih dan Ibn Zayd, Balqis memiliki lubang pada dinding di arah matahari terbit. Ketika matahari terbit, maka dia melihatnya lalu bersujud (Fayṣal, 1996, 3: 330).

4. Bulan

Al-Quran menjelaskan bahawa matahari dan bulan merupakan dua tanda tentang kebesaran Allah SWT. Ibn Kathīr (1998, 7: 166) menjelaskan bahawa manfaat yang besar yang diperoleh oleh manusia dari matahari dan bulan mendorong manusia menyembah kedua-dua objek angkasa lepas ini. Maka, Allah SWT melarang manusia bersujud kepada kedua-duanya seperti dalam firman-Nya [Fuṣṣilat 41: 37]:

Terjemahan: Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud ke bulan dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, sekiranya benar kamu hanya beribadat kepada Allah.

Ibn 'Āshūr (1984, 1: 536) menukulkan pendapat bahawa kabilah Tamim menyembah bintang *al-dabarān*, sementara kabilah Lakhm dan Khuzā'ah menyembah bintang *shi'rā*, kabilah Kinānah menyembah bulan. Walau bagaimanapun, kepercayaan politeisme seperti ini tidak wujud secara ketara dalam kalangan penduduk Makkah pada zaman Jahiliah (Riyani 2016).

5. Bintang

Bintang atau gugusan bintang yang menjadi penunjuk arah juga disembah oleh segelintir manusia. Allah SWT menegaskan dalam al-Quran bahawa Dialah yang mencipta, semua objek di angkasa lepas, termasuklah bintang dan zodiak. Justeru, pencipta kepada jisim-jisim itu yang perlu disembah oleh manusia. Firman Allah SWT [Al-Najm 53: 49]:

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya, Dialah Tuhan (Pencipta) bintang Syi'rā.

Antara agama dan kepercayaan yang wujud di semenanjung Arab sebelum kedatangan Islam ialah penyembahan bintang yang dikenali sebagai Shi'rā atau zodiak Sirius (Al-Tha'labī, 2001, 9: 157 dan Gibb, 1962, 269). Menurut al-Rāzī (1999, 29: 283), zodiak Sirius menghala ke utara dan selatan. Segelintir kaum Arab telah menyembah zodiak Siirus selatan. Bintang ini hanya disembah oleh kabilah Khuzā'ah. Penyembahan bintang ini dipelopori oleh salah seorang pemimpin kabilah berkenaan yang dikenali sebagai Abū Kabshah (Ibn 'Āshūr, 1984, 27: 151).

6. Planet

Al-Quran juga turut mencatatkan sejarah kaum Nabi Ibrāhīm AS beriktikad bahawa objek-objek besar dalam sistem cakerawala itu memberi kesan kepada kondisi di bumi. Bagi tujuan penyembahan, ia dijelmakan dengan pelbagai berhala-berhala untuk disembah. Allah SWT berfirman [al-An'ām, 6: 76]:

Terjemahan: Maka ketika dia berada pada waktu malam yang gelap, dia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu dia berkata: Adakah ini Tuhanku? Kemudian apabila bintang itu terbenam, dia berkata pula: Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang.

Menurut al-Nasafī (1998, 1, 516), bapa Nabi Ibrahim AS dan kaumnya menyembah berhala, matahari, bulan, dan planet-planet, terutama Musytari atau Zuhrah. Justeru, Nabi Ibrahim ingin membuktikan bahawa agama mereka adalah batil, kerana tuhan-tuhan yang disembah itu bersifat muncul dan menghilang. Menurut Ibn Kathīr (2004), setelah Ibrahim AS berhijrah ke Harrān, baginda menghadapi kaum Kan'ān yang menyembah tujuh planet, iaitu Zuhal, Musytari, Marikh, Zuhrah, Utarid, bulan dan matahari.

Dalam pada itu, suku Arab Jahiliah juga menyembah jirim-jirim angkasa lepas seperti

planet dan mempercayai objek-objek itu berkuasa mentadbir alam semesta. Al-Shahrastani (1984) menjelaskan bahawa kepercayaan ini cenderung kepada agama Şabi'ah. Mereka percaya kepada kesan dan pengaruh perjalanan bintang dan pergerakan planet pada orbitnya sehingga memberi kesan kepada urusan mencari tempat tinggal, perjalanan dan aktiviti ramalan atau prognosis. Penyembahan planet juga wujud dalam agama dan kepercayaan India Kuno (Yano, M. 2004, 331).

Penyembahan Alam Sekitar

Pemujaan alam sekitar merangkumi pemujaan tempat atau objek yang dianggap mempunyai kesaktian dan keramat. Jenis pemujaan sekitar ayang dicatatkan dalam al-Quran sama ada secara implisit atau eksplisit ialah, pemujaan kubur, pokok dan batu.

7. Kubur

Dalam pada itu, terdapat juga tradisi pemujaan kubur para nabi dan tokoh agama dalam kalangan Yahudi dan Nasrani. Masyarakat Arab Jahiliah juga turut menjadikan kubur al-Lāt sebagai berhala. Berhala ini diperbuat daripada batu yang dipahat dan ia diletakkan dalam sebuah rumah yang dibina di atasnya (Al-Suyūṭī, t.th, 7: 653). Firman Allah SWT [al-Najm 53: 19-20]:

Terjemahan: Maka adakah kamu nampak bahawa Al-Lāt dan al-'Uzzām serta Manāt yang ketiga.

Menurut al-Suhaylī (2000), pada zaman silam, al-Lāt ialah seorang lelaki yang soleh yang sentiasa menyediakan makanan untuk jemaah haji. Setelah dia meninggal dunia, masyarakat ketika itu telah membina rumah di atas kuburnya dan menutupnya dengan tirai-tirai. Batu al-Lāt ini diagungkan oleh Quraysh dan keseluruhan orang Arab.

8. Pokok

Kisah kaum Nabi Shu'ayb AS, yang mendiami al-Aykah, iaitu sebuah tempat yang berhutan di daerah Madyan, yang dijadikan pusat penyembahan. Mereka menyembah sebidang tanah gurun yang ditumbuhi pepohonan. Dewa yang disembah di samping Aykah ialah Ba'l serta Ashīra. Allah SWT berfirman [al-Shu'arā' 26: 176-177]:

Terjemahan: (Demikian juga) penduduk Aykah telah mendustakan Rasul-rasul (yang diutus kepada mereka). Ketika

Nabi Shuayb berkata kepada mereka: Hendaknya kamu mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.

Menurut Muḥammad Zakariyyā (2001), asas kepada penyembahan pepohon besar ialah kepercayaan bahawa pokok itu menjadi tempat kediaman roh, memiliki semangat dan kesaktian, atau perasaan takut kepada roh-roh jahat yang menghuni kawasan itu. Selain itu, menurut al-Shawkānī (1994), penduduk al-Rass menyembah sebatang pohon *sanobar*, yang diberi nama Shāh Dirakht. Menurut bahasa, ia bermaksud “Raja Pohon.” Orang pertama yang menanam pohon itu ialah Yafith bin Nuh pasca banjir besar berhampiran mata air yang diberi nama Rawsyan Oub. Nama kaum ini disebut dua kali dalam al-Quran, iaitu dalam al-Furqān (25: 13) dan Qāf (50: 14).

Penduduk Jazirah Arab juga memuja berhala berupa pepohon, iaitu al-‘Uzzā. Nama berhala ini disebut dalam al-Quran (al-Najm 53: 19). Al-‘Uzzā merujuk kepada tiga batang pohon *samurah* yang terletak di suatu lembah antara Makkah dan Tāif. Di sekitarnya terdapat bangunan, tirai-tirai dan diuruskan oleh para pelayan. Al-‘Uzzā merupakan berhala milik kabilah Quraysh, Sulaym, Ghatafān, Jushām serta suku-suku lain yang ada di sekitarnya (Darūzāh, 1963, 2: 101).

9. Batu

Antara batu yang disembah oleh manusia dan dinyatakan dalam al-Quran ialah berhala Manat. Manāt adalah sebongkah batu besar yang terletak di persisiran Laut Merah. Berhala ini dimiliki oleh suku Khuzā‘ah, Aws dan Khazraj. Pada zaman Jahiliah, sebelum seseorang menunaikan ibadat haji, mereka berihram di sisinya dan mereka menyembahnya. Nama berhala ini disebut bersama berhala al-Lāt dan al-‘Uzzā dalam surah al-Najm (53: 19-20).

10. Api

Al-Quran telah menyebut tentang agama Majusi dalam surah al-Hajj (22. 17). Rentetan daripada penyembahan jirim-jirim besar di langit mencetuskan penyembahan api. Planet-planet itu tidak kelihatan pada siang hari atau pada beberapa ketika pada waktu malam. Justeru itu, mereka membina berhala, rumah-rumah tempat menyalakan api atau kuil dengan nama-nama tujuh buah planet termasuk matahari dan bulan. Api mempunyai sinaran dan cahaya mirip sinaran cahaya matahari dan planet-planet. Oleh yang demikian, mereka mengagungkan

api sebagaimana pengagungan mereka kepada matahari, bulan dan planet.

Menurut Ibn al-Qayyim (1975), penyembahan api berlaku kerana keyakinan bahawa api merupakan unsur terbaik, jirim teragung, paling luas manfaatnya, teras paling mulia dan binaannya paling halus. Tidak ada ciptaan di alam ini melainkan dengan menggunakannya dan tidak ada pertumbuhan dan wasilah kecuali dengan peranannya. Ibn Qutaybah al-Daynūrī (1992) menyatakan antara bentuk kepercayaan dan agama Arab jahiliah ialah agama Majusi yang menyembah api. Kepercayaan ini tersebar dalam julat yang luas dalam kabilah Bani Tamīm.

Penyembahan Binatang

Politeisme dalam bentuk pemujaan binatang kerama telah berlaku dalam kalangan masyarakat Arab dan segelintir kaum Yahudi (Smith, 1880, 75). Penyembahan atau penghormatan kepada binatang tertentu juga telah lama wujud dalam agama Mesir Kuno. Allah SWT telah merakamkan kisah penyembahan patung anak lembu oleh Banī Israil dalam al-Quran. Firman Allah SWT [Al-A‘rāf 7: 138]:

Terjemahan: Dan Kami bawakan Bani Israil ke sebarang Laut (Merah) itu lalu mereka sampai kepada suatu kaum yang sedang menyembah berhala-berhalanya. (Melihatkan yang demikian) mereka (Bani Israil) berkata: “Wahai Musa buatlah untuk kami suatu tuhan (berhala) sebagaimana mereka mempunyai beberapa tuhan.” Nabi Musa menjawab: “Sesungguhnya kamu ini merupakan kaum yang jahil.

Menurut Ibn Jurayj (Ibn Kathīr, 1999, 3, 467), berhala yang dilihat oleh Bani Isrāel berbentuk seekor lembu. Keinginan kepada tuhan berjasad telah direalisasikan dengan kesempatan dan ketiadaan Nabi Mūsā AS bersama mereka. Kehidupan bersama penduduk Mesir pada zaman Firaun yang menyembah dewa berbentuk arca memberi kesan kepada pemikiran orang Yahudi. Politeisme dalam rangka penyembahan berhala masih tertanam dalam minda mereka walaupun setelah menyeberangi Laut Merah bersama Nabi Mūsā AS. Firman Allah SWT [Al-A‘rāf 7: 148]:

Terjemahan: Dan kaum Nabī Mūsā AS, sesudah dia (pergi ke Tur Sinā), mereka membuat daripada barang-barang emas perhiasan mereka, (patung) anak lembu yang bertubuh dan bersuara.

Daripada perbincangan lalu, dirumuskan bahawa al-Quran menyifatkan segala penyembahan berunsurkan politeisme ialah ditegah dan

membawa kepada kekufuran. Selain itu, memohon pertolongan dan bantuan selain daripada Allah SWT menyebabkan manusia terlibat dengan politeisme. Hasil daripada perbincangan kajian ini memberikan beberapa implikasi utama. [Pertama] al-Quran mengemukakan fakta historikal berhubung dengan kepercayaan dan kebudayaan umat-umat terdahulu dan sezaman dengan kebangkitan Nabi Muhammad SAW. [Kedua] Usul kepercayaan politeisme manusia dirumuskan oleh al-Quran. Bentuk-bentuk politeisme yang terdapat dalam kalangan manusia sehingga kini tidak terkeluar daripada skop tersebut.

KESIMPULAN

Makalah ini telah membahaskan deskripsi al-Quran terhadap sejarah politeisme iaitu penyembahan banyak tuhan yang wujud dalam manusia sehingga zaman kebangkitan Nabi Muhammad SAW. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa deskripsi al-Quran terhadap sejarah politeisme dalam kalangan umat manusia ialah berbentuk penyembahan manusia, penyembahan objek angkasa lepas, penyembahan makhluk *supernatural* dan penyembahan alam sekitar. Implikasi teoritikal ini menunjukkan al-Quran sarat dengan ilmu pengetahuan khususnya berkaitan antropologi. Justeru itu, kajian seperti ini turut membuktikan bahawa al-Quran bukan kitab yang terpisah daripada realiti kehidupan manusia silam, kini dan masa hadapan. Dalam pada itu, kemurnian tauhid kepada Allah SWT dicapai apabila tiada ruang bagi kepercayaan politeisme untuk diserapkan dalam Islam. Oleh itu, disarankan agar kajian lanjutan perlu diteruskan terhadap susuk kepercayaan yang wujud dalam masyarakat, seterusnya disempurnakan dengan pembangunan teori ilmu antropologi berteraskan al-Quran.

RUJUKAN

- Abd al-Qadir 'Ata. 2002. *Al-Mufīd fī Muḥimmāt al-Tawḥīd*. Beirut, Dar al-ʿIlmiyyah.
- Abū Zahrah, Muḥammad bin Aḥmad. t.th. *Zahrāt al-Tafāsīr*. Beirut, Dar al-Fikr al-ʿArabī.
- Al-Alūsī, Maḥmūd Shukrī. 1994. *Rūḥ al-Maʿānī fī Tafāsīr al-Qurʾān al-Aʿzīm wa al-Sabʿ al-Mathānī*. Beirut, Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Asadi, A. 2019. Unity of lordship and the problem of seeking help from other than god. *Al-Daleel Journal* (5): 71-106.
- Al-Baghawī, al-Ḥusayn Masʿūd. 1997. *Maʿālim al-Tanzīl*. Arab Saudi, Dār Ṭaybah.
- Al-Bayḍāwī, ʿAbd Allah Umar. 1997. *Anwār al-tanzīl wa asrār al-taʿwīl*. Beirut, Dār Iḥyāʾ al-Turāth.
- Al-Jazāʾirī, Abū Bākr Jabir bin Musa. 2003. *Aysar al-Tafāsīr li Kalām al-ʿAlīy al-Kabīr*. Madinah, Dar al-ʿUlum wa al-Ḥikam.
- Al-Khamis, Muḥammad bin ʿAbd al-Rahman. 1993. *Anwār al-Hilālayn fī Taʿaqqubāt ʿala al-Jalālayn*. Riyadh, Dar al-Ṣamīʿī.
- Al-Khāzin, ʿAlī bin Muḥammad. 1993. *Lubāb al-Taʿwīl fī Maʿānī al-Tanzīl*. Beirut, Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Allen, James P. 2000. *Middle egyptian: An introduction to the language and culture of hieroglyphs*.
- Al-Qāsīmī, Muḥammad Jamāl al-Dīn. 1997. *Maḥāsīn al-taʿwīl*. ed. Muḥammad Basil. Beirut, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Rāzī, Muḥammad ʿUmar. 1999. *Al-tafsīr al-kabīr*. Beirut, Dār Iḥyāʾ al-Turāth.
- Al-Shawkānī Muḥammad bin ʿAlī. 1993. *Faṭḥ al-Qadīr*. Beirut, Dar Ibn Kathir.
- Al-Suyūfī, ʿAbd al-Raḥmān bin Abī Bakr. t.th. *al-Durr al-Manthūr*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, Muḥammad Jarīr. 2000. *Jāmi ʿal-bayān fī taʿwīl al-qurʾān* ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr. Beirut, al-Muassasah al-Risālah.
- Al-Thaʿlabī, Aḥmad bin Muḥammad. 2002. *Al-Kashf wa al-Bayān ʿan Tafāsīr al-Qurʾān*. Beirut, Dār Iḥyāʾ al-Turāth.
- Al-Zuhaylī, Wahbah bin Muṣṭafā. 2001. *Al-Tafsīr al-Wasīṭ*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Assmann, J. 1995. *Egyptian solar religion in the new kingdom: Re, amun and the crisis of polytheism*. Routledge
- Bowie, F. 2006. The anthropology of religion. *The blackwell companion to the study of religion*, 21.
- Burkert, W. 1985. *Greek religion*. Harvard University Press.
- Cabrero, L. O. 2018. Postmodernist relativism: A return to polytheism? *The Maastricht Journal of Liberal Arts*, 10, 57-68.
- Charles Taliaferro; Victoria S. Harrison; Stewart Goetz 2012. *The Routledge Companion to Theism*. Routledge.
- Crosby, D. 2018. The abrahamic faiths as forces for good or evil. *American Journal of Theology & Philosophy* 39(3): 29-47.
- Cross, F.L. Livingstone, E.A., eds. 1974. "Monotheism". *The Oxford Dictionary of the Christian Church* (2 ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Dahl, O. 1890. The Early History of Arabia. *The Old and New Testament Student* 10(3): 153-159.
- Darūzah Muḥammad ʿIzzat. 1963. *Al-Tafsīr al-Ḥadīth*. Kaherah, Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Dragon, M. S. 2015. *The tale of prophet uzair (ezra) & prophet hud (eber) in islam faith*. Sakura dragon SPC.
- Fayṣal bin ʿAbd al-Aziz. 1996. *Tawfīq al-Raḥmān fī Durūs al-Qurʾān*. Riyadh, Dar al-ʿĀshimāh.
- Flood, G. D. 1996. *An Introduction to Hinduism*. Cambridge University Press.

- Frankfort, H. 2012. *Ancient Egyptian Religion: An Interpretation*. Courier Corporation.
- Freud, S. 2016. *Moses and Monotheism*. Leonardo Paolo Lovari.
- Gibb, H. A. 1962. Pre-islamic monotheism in arabia. *Harvard Theological Review* 55(4): 269-280.
- Green, E. A. 2001. The queen of sheba: a queen of egypt and ethiopia? *Jewish Bible Quarterly* 29(3): 151-155.
- Hasan, R. 2012. Kepercayaan animisme dan dinamisme dalam masyarakat islam aceh. *MIQOT: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman* 36(2).
- Heiser, M. S. 2008. Monotheism, polytheism, monolatry, or henotheism? Toward an assessment of divine plurality in the hebrew bible. *Bulletin for Biblical Research*, 1-30.
- Horsley, R. A. Ed. 1997. *Paul and Empire: Religion and Power in Roman Imperial Society*. A&C Black.
- Ibn al-Jawzī, Abd al-Rahmān. 2001. *Zād al-masīr fī 'ilm al-tafsīr*. ed. 'Abd al-Razzāq al-Mahdī. Beirut, Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Ibn 'Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir. 1984. *Al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia, al-Dar al-Tunisiyah.
- Ibn 'Aṭīyyah, 'Abd al-Ḥaq bin Ghālib. 2001. *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-Azīz*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathīr, Muḥammad Ismā'īl. 1998. *Tafsīr al-qurān al-'āzīm*. Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Issitt, M., & Main, C. 2014. *Hidden Religion: The Greatest Mysteries and Symbols of the World's Religious Beliefs: The Greatest Mysteries and Symbols of the World's Religious Beliefs*. ABC-CLIO.
- Jeffery, A. 1925. A reference to the ishtar-cult in the quran. *The American Journal of Semitic Languages and Literatures* 41(4): 280-282.
- Kaufmann, Y. 1951. The bible and mythological polytheism. *Journal of Biblical Literature*: 179-197.
- Key, A. F. 1965. Traces of the worship of the moon god sin among the early israelites. *Journal of Biblical Literature*: 20-26.
- Khairulnazrin Nasir dan Ishak Suliaman. 2019. Mitologi tentang makhluk supernatural dalam kalangan etniketnik di daerah Pitas Sabah: Tinjauan menurut perspektif Islam. *Al-Thaqafah: Globat Journal* 9(1): 113-125.
- Kohara, K. 2006. Discourses and realpolitik on monotheism and polytheism. *Journal of the Interdisciplinary Study of Monotheistic Religions* 2: 1-16.
- Kraay, K. J. 2010. Theism, Possible Worlds, and the Multiverse. *Philosophical Studies* 147(3): 355-368.
- Kraemer, Christine 2012. *Seeking the Mystery: An Introduction to Pagan Theologies*. Englewood, CO: Patheos Press.
- Lecker, M. 2007. Wadd, the weaponed idol of dūmat al-jandal and the quṣṣāṣ. *Dieux et Déesses d'Arabie. Images et Représentations. Actes de la table ronde tenue au Collège de France, Paris, les 1er et, 2, 131-138*.
- Lowin, S. L. 2012. Narratives of villainy: Titus, nebuchadnezzar, and nimrod in the hadīth and midrash aggadah. In *the Lineaments of Islam* (261-296). BRILL.
- Mohammed, K. 2019. The historical impact of islam in changing the geographical map of arabs and the world egypt is a model. *Journal of Tikrit University for Humanities* 23(8), 76-87.†
- Muḥammad Rashīd Ridhā. 1990. *Tafsīr al-Manār*. Kaheerah, al-Hay'ah al-'Amah al-Masriyyah.
- Mukhtar, T., Afzal, H., & Majeed, A. 2012, December. Vocabulary of Quranic Concepts: A semi-automatically created terminology of Holy Quran. In *2012 15th International Multitopic Conference (INMIC)* (43-46). IEEE.
- Nasir, K., Rahim, K. Z., & Mamat, S. 2019. Kepercayaan terawal manusia menurut sunnah: analisis terhadap buku teks sejarah tingkatan satu terbitan kementerian pendidikan malaysia. *HADIS*, 30-47.
- Nasution, M. F. M. 2018. Perkembangan ilmu falak pada peradaban pra Islam. *Jurnal Penelitian Medan Agama*.
- Owen, M., & Dunne, J. A. 2019. The son of god and trinitarian identity statements. *TheoLogica: An International Journal for Philosophy of Religion and Philosophical Theology* 3(1): 33-59.
- Papathomas, G. D. 2010. The question of henotheism. *Journal for the Study of Religions and Ideologies* 1(2): 198-202.
- Parrinder, G. 2013. *Jesus in the Qur'an*. Oneworld Publications.
- Penchansky, D. 2005. *Twilight of the Gods: Polytheism in the Hebrew Bible*. Westminster John Knox Press.
- Purcell, T. W. 1998. Indigenous knowledge and applied anthropology: questions of definition and direction. *Human Organization*: 258-272.
- Rea, M. C. 2006. Polytheism and christian belief. *The Journal of Theological Studies*, 57(1), 133-148.
- Riyani, I. 2016. Menelusuri latar historis turunnyal Quran dan proses pembentukan tatanan masyarakat Islam. *Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 1(1), 27-34.
- Roskam, G. 2019. Philo of alexandria on the twelve olympian gods. *Classical World* 112(3): 169-192.
- Sayyid Quṭb. 1991. *Fī Ṣilāl al-Qurān*. Bairut, Dar al-Shuruq.
- Scheid, J. 1987. Polytheism impossible; or, the empty gods: reasons behind a void in the history of roman religion. *History and Anthropology*, 3(1), 303-325.
- Seltman, C. T. 2017. *The twelve olympians: Gods and goddesses of greece*. Pickle Partners Publishing.
- Shah-Kazemi, R. 2006. Jesus in quran: Selfhood and compassion—an akbari perspective. *Sufism: Love & Wisdom*, 217-236.
- Smith, W. R. 1880. Animal worship and animal tribes among the arabs and in the old testament. *The Journal of Philology* 9(18): 75.

- Spiro, M. E., & Andrade, R. G. 1958. A cross-cultural study of some supernatural beliefs. *American Anthropologist* 60(3): 456-466.
- Sumanto, E. 2018. Filosofi nabi ibrahim mencari tuhan melalui bulan, bintang dan matahari. *Nuansa* 11(2).
- Ṭanṭāwī, Muḥammad Sayyid. 1998. *Al-Tafsīr al-Wasīṭ li al-Qurān al-Karīm*. Kaherah, Dar Nahḍah.
- Teeuwen, M., & Scheid, B. 2002. Tracing shinto in the history of kami worship: editors' introduction. *Japanese Journal of Religious Studies*, 195-207.
- Wahyuni, T. 2019. Pengaruh perkawinan lintas agama terhadap kehidupan rumah tangga. *Nizham Journal of Islamic Studies* 7(01): 123-130.
- Wani, A. M. 2013. A comparative study of the concept of god in hinduism and Islam. *International Journal of Scientific and Research Publications* 3(2): 1-5.
- Wierenga, E. 2004. Trinity and polytheism. *Faith and Philosophy* 21(3): 281-294.
- Yahya, Y. K. 2018. Leksem bermakna tuhan dalam al-qur'an dan injil berbahasa arab: Analisis Semantik. Tesis Ijazah Kedokteran, Universitas Gadjah Mada).
- Yano, M. 2004. Planet Worship in Ancient India. *Studies in the history of the exact sciences in honour of david pingree*. Leiden, Brill.
- Yates, R. 1985. <The worship of angels>(Col 2: 18). *The Expository Times* 97(1): 12-15.

PENGARANG

Khairulnazrin Nasir
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),
Kota Bharu,
Kelantan.
khairulnazrin19@gmail.com